

Perut Ulu dakwa Terombo Telaga Undang tidak sah

15/4/87

SEREMBAN, Selasa — Urusan perliantikan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) yang berasaskan kepada Terombo 'Telaga Undang' tidak akan mendapat restu daripada Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan.

Anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang, Dusun dan Nyonyol hari ini mendakwa Terombo berkenaan tidak diiktiraf oleh dewan serta Kerajaan Negeri Sembilan kerana ia bercanggah dengan Terombo asal Luak Sungai Ujong.

Jurucakap mereka berkata faktor inilah yang menyebabkan dewan sehingga ini masih belum membuat sebarang kepu-

tusan berhubung kedudukan Raja Abdul Rahim Raja Abdul Razak, yang disyitiharkan sebagai penyandang pesaka Datuk Kelana ke-10 pada 8 Mac tahun lalu.

Menurutnya, Luak Sungai Ujong adalah luak tunggal di Negeri Sembilan yang gagal mengemukakan Salasilah Waris Undang apabila diminta berbuat demikian oleh pihak Inggeris pada awal 1945 bagi melicinkan lagi urusan pentadbiran Adat Perpatih di negeri ini.

Bellau mendakwa kegagalan itu berpunca daripada 'pakatan' antara Undang ke-lapan, Allahyarham Datuk Kelana Makmur Datuk Menteri Kassim dengan Datuk

Shahbandar ketika itu, Allahyarham Datuk Shahbandar Abu Bakar.

Allahyarham Datuk Kelana Makmur adalah daripada Perut Ulu dan bellau adalah juga bapa mertua kepada Allahyarham Datuk Shahbandar Abu Bakar.

"Pakatan itu bertujuan memastikan pesaka Datuk Kelana hanya layak disandang oleh anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Bayu sahaja dan ini sekaligus menafikan hak anak-anak Waris daripada Rumpun Tinggang, Dusun dan Nyonyol.

"Pakatan ini kemudian mewujudkan apa yang dipanggil Terombo Telaga Undang, yang bercanggah sama sekali dengan Salasilah asal

Waris Undang Luak Sungai Ujong.

"Oleh kerana Terombo 'Telaga Undang' tidak mengandungi Salasilah keturunan Undang Luak Sungai Ujong yang lengkap, maka Dewan Keadilan dan Undang Negeri serta Kerajaan Negeri Sembilan tidak dapat mengiktirafnya," jelasnya.

Serentak itu, bellau mengulangi gesaan pihaknya supaya Lembaga Tua Tiang Balai Luak Sungai Ujong, Datuk Andika Mendellika Fadzil Nordin segera mengumumkan isi kandungan Terombo asal luak berkenaan dalam usaha memecahkan kebuntuan berhubung urusan mencari penih (calon) Datuk Kelana ke-10.